



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 2 OKTOBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	PUNCA KELEWATAN DIKENAL PASTI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -37 HARAP BENIH SAMPAI MINGGU INI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -37 ADA PERCUBAAN SOROK BENIH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -37 BIMBANG MUSIM KEMARAU, PENYAKIT JIKA LEWAT TANAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -37 BERNAS SEMARAK HARI KEBANGSAAN, NASIONAL, SINAR HARIAN -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
6.	8 ON VIET FISHING BOAT NABBED, NATION, DAILY EXPRESS (KK)-2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	PULIH INDUSTRI PERLADANGAN KOPI, NIAGA, KOSMO -38 TANAM KOPI NESTLE, BUSINESS, HARIAN METRO -30 COLLABORATION TO REVIVE COFFEE FARMING IN MALAYSIA, NEWS, THE STAR MALAYSIA -4 NESTLE MALAYSIA INTRODUCES NESCAFE GROWN RESPECTFULLY PROGRAMME, NATION, SIN CHEW DAILY -16 NESTLE JOINS FORCES TO BOOST COFFEE FARMING, NEWS, THE MALAYSIAN RESERVE -11 TANAM KOPI NESTLE, NEWS, MYMETRO -5 KEDAH TO BEGIN GROWING COFFEE, NEWS, GUANG MING DAILY -A5 MARKET INTELLIGENCE, NEWS, GUANG MING DAILY -A5 NESTLE IN COLLABORATION TO BOOST COFFEE FARMING, STARBIZ, THE STAR -2 NESTLE PARTNERS LOCAL AUTHORITIES TO PROMOTE COFFEE FARMING, BUSINESS, THE SUN -12 NESTLE HELPS REVIVE COFFEE FARMING, BUSINESS TIMES, NEW STRAITS TIMES -17,21 NESTLE PULIH SEKTOR TANAMAN KOPI NEGARA, BISNES, BERITA HARIAN -27,28	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
19. 20. 21.	PENANAM LADANG CILI DISARAN GUNA PERKHIDMATAN DUITNOW, NIAGA, KOSMO -38 SIMULASI SIDANG MEDIA CUNGKIL POTENSI PESERTA, NASIONAL, BERITA HARIAN -26 PENANAM CILI MANFAAT DUITNOW, NASIONAL, BERITA HARIAN -17	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

# Punca kelewatan dikenal pasti

Oleh SAJIDA ASARULAH KHAN  
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 OKT.

**K**EGAGALAN syarikat pembekal menyediakan bekalan dan memenuhi permintaan saat akhir adalah antara penyebab benih padi tidak dapat diberikan kepada pesawah tepat pada masanya.

Perkara itu dijelaskan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub yang turut memaklumkan masalah tersebut sedang diatasi dan dijangka dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

"Kita ada tubuhkan jawatankuasa di kementerian untuk menjalankan siasatan dan hasilnya didapati terdapat dua penyebab kepada masalah ini.

"Faktor pertama kegagalan daripada syarikat pembekal, dan pastinya saya akan bertindak tegas sama ada memberikan amaran atau sekiranya berulang maka perkhidmatan mereka akan dihentikan.

"Saya harus tegas kerana tidak mahu perkara ini berulang pada masa akan datang dan syarikat-syarikat itu akan dipanggil, disiasat dan akhirnya ditentukan bentuk tindakan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Sebelum ini pesawah di beberapa negeri mendakwa masih belum menerima bekalan benih padi bagi musim ini.

Salahuddin memberitahu, ke-



SALAHUDDIN AYUB

lewatan mengagihkan benih padi juga berlaku disebabkan terdapat sebahagian permintaan mengejut pada saat-saat akhir dan pembekal terpaksa mengambil masa untuk memenuhi permintaan tersebut.

"Ketika bancian dibuat, iaitu beberapa bulan sebelum ini, ada

yang memberitahu tidak mahu menanam namun membuat permintaan pada saat-saat akhir.

"Dalam hal ini dari semasa ke semasa kita akan perbaiki komunikasi di antara kementerian dengan pihak-pihak lain antaranya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) supaya perkara ini tidak berlaku pada masa hadapan," katanya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37



SEBAHAGIAN kawasan sawah yang telah bersedia untuk ditanam dengan benih padi di Batu Pahat, Kangar, Perlis. - UTUSAN

## Harap benih sampai minggu ini

**KANGAR 10kt** - Ribuan pesawah dari negeri ini berharap jaminan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa bekalan benih padi akan disalurkan selewat-lewatnya minggu ini dapat direalisasikan kerana sebarang kelewatan lagi bakal menimbulkan masalah kepada mereka.

Mengikut jadual bagi fasa satu khususnya, mereka sepatutnya sudah boleh menabur benih pada 25 September lalu namun malangnya bekalan benih masih belum diterima.

Malah rata-rata daripada mereka juga memaklumkan bahawa masalah kelewatan pembekalan benih belum pernah berlaku sebelum ini.

Pesawah dari Kampung Syed Omar, Batu Pahat **Dimat Khamis**, 70, berkata, sejak semalam dia mengunjungi beberapa kedai menjual barangan pertanian di sekitar bandar ini namun hampir apabila diberitahu bahawa benih masih tidak ada.

Katanya, kelewatan seperti ini tidak pernah berlaku sebelum ini menyebabkannya ter-



**RAZALI SAAD**



**SAIFULLAH**

tanya-tanya apa masalah sebenarnya yang berlaku kali ini.

"Saya bimbang jika lambat (benih disalurkan) kawasan sawah yang sudah dibajak akan kering, tambahan pula selepas ini akan tiba musim kemarau. Jika kering, kita kena mengeluarkan lagi modal untuk mengupah orang membajak bendang," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Pesawah dari Kampung Sungai Baru **Razali Saad**, 54, pula berkata, penanaman padi mesti mengikut jadual, dan jika terlewat boleh menimbulkan masalah termasuk penyakit se-

lain hasil merosot.

Katanya, dia berharap pihak bertanggungjawab akan mempercepatkan proses penyaluran benih kerana kebanyakan pesawah sudah bersedia untuk menabur benih di kawasan masing-masing.

"Saya melihat masalah ini (kelewatan)

berkemungkinan berpunca daripada sistem kuota benih kepada kilang-kilang ini yang diberikan dalam tempoh setahun. Benih tersebut mungkin telah habis dijual pada musim lalu," katanya.

Pesawah dari Guar Sanji **Saifullah Abi Jamrah**, 34, pula berkata, musim lepas ada berlaku kelewatan tetapi tidaklah selewat kali ini.

"Kita harap pihak bertanggungjawab segera membekalkan benih ini. Jika dibiarkan lamalama dikhuatiri air di bendang kering sekali gus bakal menyusahkan lagi para pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

## Ada percubaan sorok benih?

**KUALA LUMPUR 1 Okt.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani termasuk agensi yang berada di bawahnya didesak untuk menyiasat dakwaan bahawa pembekal cuba menyorokkan bekalan benih padi bagi meningkatkan harganya di pasaran.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) Abdul Rashid Yob berkata, kekurangan benih padi tidak mungkin berlaku sekiranya pihak berwajib seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) menjalankan pemantauan secara lebih kerap.

Dakwanya, situasi peningkatan harga benih memberi tekanan kepada para pesawah dari segi kewangan bagi memulakan proses tanaman musim baharu.

"Ini adalah permainan pengilang-pengilang juga, mereka ini kadang-kadang kuota sudah terlebih tuntutan jadi mereka ambil kesempatan untuk naikkan harga.

"Sepatutnya perkara ini dipantau dan dikawal selia, jadi sekarang ini memang kita tiada bukti sebab mereka sudah buat perkara ini lama dan kita nak kesan mereka pun payah,"

katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

*Utusan Malaysia* melaporkan kira-kira 600 pesawah di kawasan seluas 1,300 hektar di Utan Uji, Perlis sepatutnya mula mengusahakan tanaman padi bagi musim ini namun gagal melakukannya kerana benih padi bersubsidi belum tiba di gudang pembekal.

Abdul Rashid berharap, pada masa hadapan MADA, AIDA dan Jabatan Pertanian negeri berbincang pada ketika sedang berlaku peralihan musim bagi memastikan proses pembekalan benih padi sah berjalan lancar.

Jelas beliau, ini kerana proses pengeluaran anak benih perlu melalui prosedur operasi standard (SOP) dan mendapat kelulusan Jabatan Pertanian negeri sebelum boleh diedarkan.

"Pasal MADA bagi tarikh tetapi dia tidak rujuk kepada Jabatan Pertanian bila akan lulus, jadi akan timbul masalah inilah (kelewatan pembekalan benih).

"Benih ini kalau kita kerat hari ini dia bukan boleh terus guna, kita kena simpan dua minggu kemudian kilang kena buat SOP dengan Jabatan Pertanian, jadi prosedurnya panjang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	37

## Bimbang musim kemarau, penyakit jika lewat tanam

**ALOR SETAR 1 Okt.** - Sebahagian daripada 42 kawasan sawah di dalam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di negeri ini bakal berdepan dengan musim kemarau dan penyakit luar musim jika kerajaan masih gagal membekalkan benih subsidi minggu depan.

Ini sekali gus boleh memberi kesan besar terhadap kitaran dan penanaman padi bagi musim ini seterusnya menjejaskan pengeluaran pesawah-pesawah.

Disebabkan itu juga ada sebahagian pesawah di sesetengah tempat sanggup membeli benih tidak bersubsidi yang harganya hampir satu kali ganda lebih mahal iaitu RM45, berbanding RM28 satu karung bagi benih bersubsidi seberat 20 kilogram.

Menurut Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kepala Batas Md. Tarmizi Ramli, sepatutnya pesawah di kawasannya sudah menerima benih padi subsidi dan boleh mula menyemai pada bila-bila masa.

Katanya, namun apa yang menjadi tanda-tanya adalah hingga kini bekalan itu masih belum diterima.

“Besarnya apabila lewat menyemai benih kerana akan menjejaskan segala perancangan dan jadual penanaman. Apa yang dibimbangkan adalah jika bekalan benih ini lewat melebihi sebulan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Pengerusi PPK Kuala Nerang Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman berkata, bagi PPK kawasannya, pihaknya hanya menerima 1,000 karung benih padi berbanding sepatutnya iaitu 20,000.

Katanya, berikutan itu ada pesawah yang membeli benih dari luar meskipun harganya lebih tinggi.

Akhbar sebelum ini melaporkan lebih 4,000 pesawah di Bagan Serai, Perak bimbang tidak dapat memulakan musim penanaman padi berikutan kesukaran mendapat benih padi sah daripada pembekal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	7



**B**ersempena Hari Kebangsaan 2019, BERNAS tidak ketinggalan memeriahkan sambutan hari perpaduan ini dengan pelbagai aktiviti menarik di kesemua pejabat BERNAS seluruh Malaysia.

Bagi menyemarakkan lagi semangat patriotik, warga BERNAS juga tidak ketinggalan mengayak pakatan kebangsaan serta mendekori pejabat masing-masing, disamping menjamu hidangan Nasi Lemak Hari Kebangsaan 2019 yang menjadi menu utama di setiap lokasi.

Tambah menarik, 11 September juga merupakan tarikh bermulanya pengembaraan Skud Kembara BERNAS (SKB) yang dilancarkan oleh Pengerusi BERNAS, Megat Joha Megat Abdul Rahman di hadapan lebih 200 warga BERNAS Glenmarie.

Untuk siri pertama ini, SKB yang membalikkan empat kumpu-

an mereka (orang ramai) juga sangat teruja dengan kepelbagaian jenis beras yang kami pameran bersama SKB. Antaranya ialah beras baro dari Sarawak dan juga beras paling mahal di dunia iaitu Beras Kinmemai dari Jepun".

- Ismail Mohamed Yusoff, Pengerah Urusan BERNAS

lan telah memulakan penjelajahan mereka ke beberapa lokasi di negeri-negeri utara, pantai timur serta Sabah dan Sarawak.

Krew SKB juga turut berkunjung ke beberapa bandar bagi mengadakan sesi bertemu penduduk setempat bagi menjawab beberapa soalan maulum balas pelanggan beserta pemberian saguhati seperti beras, bihin dan bag sekolah IKFIAS BERNAS.

Ismail Mohamed Yusoff, Pengerah Urusan BERNAS turut merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam pengembaraan SKB.

"Al-hamdulillah semuanya berjalan lancar dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua, terutamanya masyarakat setempat yang banyak memberi sokongan," kata Ismail.

"Mereka (orang ramai) juga sangat teruja dengan kepelbagaian jenis beras yang kami pameran bersama SKB. Antaranya ialah beras baro dari Sarawak dan juga beras paling mahal di dunia iaitu Beras Kinmemai dari Jepun", tambah beliau lagi.

Lokasi lain termasuk Pasir Putih, Kelantan; Bukit Kenak, Terengganu; Kota Kinabalu dan Tepitok di Sabah serta Kuching, Sarawak.



Headline	8 on Viet fishing boat nabbed		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	167 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 887
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,662



Two marine policemen looking at the net.

## 8 on Viet fishing boat nabbed

**KOTA KINABALU:** Eight fishermen on a Vietnamese fishing boat were detained by marine police during Ops Gelora at the Sepanggar waters off here, Monday.

Two tonnes of fish and 23 lobsters were also seized.

Sabah Region 4 Marine Police Commander ACP Mohamad Pajeri Ali in a statement, Tuesday, said further inspections led to the discovery of a green net hidden in the boat.

The net was found to be against the permit and specification stipulated under their licence.

The seized items worth about RM384,000 included the fishing boat, fish, lobsters and net.

The case has been submitted to the Kota Kinabalu Fisheries Department Investigation Officer and will be probed under Section 11 (3) (b) of the Fisheries Act 1985 for using unlicensed fishing equipment.

Usaha sama Nestle, FELDA, KSDA, Keda, KAF, Mardi lancar program baharu

# Pulih industri perladangan kopi

Oleh KU MOHD. RIZWAN KU  
ABDUL RAHMAN

**KUALA LUMPUR** - Sektor perladangan kopi negara bakal dipulihkan dan ditingkatkan melalui usaha Nestle (Malaysia) Bhd. (Nestle) dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Inisiatif yang dikenali sebagai Program Nescafe Disemai Dengan Kasih itu dijalankan di beberapa lokasi strategik di Kedah. Ia turut melibatkan penyertaan daripada Jabatan Pertanian Negeri Kedah (KSDA), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda), Pertubuhan Kami Anak Felda (KAF)

dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (Mardi).

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia, Juan Aranols berkata, Kedah dipilih untuk menjadi fasa perintis bagi program tersebut adalah kerana ia mempunyai iklim, opiumum untuk tanaman komoditi itu.

"Projek tersebut dijangka dapat membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan peladang tempatan.

"Peladang merupakan kumpulan penting dalam rantaian Nestle yang mana sejak hampir 30 tahun lalu, kami telah melibatkan peladang tempatan di Kedah dan Kelantan



ARANOLS (tiga dari kiri) pada majlis perasmian Program Nescafe Disemai Dengan Kasih di Menara Felca, Kuala Lumpur semalam.

menerusi program Kelab Padi dan Kelab Cili Nestle untuk memaksimumkan pengeluaran tanpa mengesahkan kualiti," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran kerjasama tersebut di Menara Felda di sini semalam.

Turut hadir Pegawai Eksekutif Perniagaan Minuman Nestle Malaysia, Othman Chraibi dan Pengarah Jabatan Pendidikan Felda,

Nurzila Abdul Ghani. Aranols menerangkan, melalui program berkenaan, Nestle dan KSDA akan menghasilkan lebih kurang 50,000 benih kopi Robusta untuk diedarkan kepada 200 peladang tempatan bagi tujuan penanaman melibatkan 40.5 hektar tanah menjelang tahun depan.

Tambah beliau, nurseri tanaman induk bersaiz 1.2 hektar yang dibangunkan sejak tahun 1990an di Sik, Kedah sedang dibalik pilih untuk penyediaan bahan-bahan penanaman yang mencukupi bagi tujuan pengaliran benih kopi selain menjadi pusat Program Nescafe Disemai Dengan Kasih.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	HARIAN METRO	BISNESS	30

# Tanam kopi Nestle

50,000 biji benih Robusta diagih kepada 200 peladang Kedah

Oleh Nabil Basaruddin  
nabil.basaruddin  
@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**N**estle (Malaysia) Berhad menyasarkan untuk mengagihkan kira-kira 50,000 biji benih kopi Robusta kepada 200 peladang di Kedah bagi tujuan penanaman kopi membabitkan 40.47 hektar tanah menjelang 2020.

Program yang kini pada fasa perintis itu membabitkan kerjasama antara Nestle bersama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Jabatan Pertanian Negeri Kedah (KSDA), Lembaga Kemajuan Ekonomi Kedah (Keda), Pertubuhan Kami Anak Felda (Kaf) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (Mardi).

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia, Juan Aranols berkata, kerjasama strategik enam pihak itu adalah sebagai inisiatif untuk mewujudkan perladangan kopi yang mampan dalam usaha memulihkan se-



ARANOLS (dua dari kanan) bersama Pengarah Pendidikan Felda, Nurzila Abdul Ghani (tengah) menghidu serbuk kopi selepas pelancaran Program Nescafe Disemai Dengan Kasih, semalam.

mula sektor perladangan kopi di negara ini.

Beliau berkata, program itu turut menyediakan sokongan kepada peladang di setiap peringkat proses perladangan kopi bagi membangunkan rantaian huluhan kopi.

"Kami yakin menerusi pengalaman dan skala Nestle sebagai pengeluar makanan utama dengan gabungan kepakaran tempatan ini, kami mampu memulihkan kem-

balli sektor perladangan kopi selain meningkatkan taraf hidup peladang tempatan," katanya pada majlis pelancaran Program Nescafe Disemai Dengan Kasih di sini, semalam.

Ketika ini, nurseri tanaman induk bersaiz 1.21 hektar yang dibangunkan pada 1990-an di Sik, Kedah sedang dibaik pulih untuk penyediaan bahan penanaman yang mencukupi bagi tujuan pengeluaran biji benih kopi.

Ia juga akan menjadi pusat bagi Program Nescafe Disemai Dengan Kasih.

Aranols berkata, Kumpulan Nestle adalah pembeli terbesar kopi hijau di dunia dengan perolehan sekitar 850,000 tan kopi hijau setiap tahun.

"Untuk Malaysia, kami mengimport sekitar 17,000 tan kopi dan jumlah itu dijangka meningkat secara signifikan dari semasa ke semasa," katanya.

Headline	Collaboration to revive coffee farming in Malaysia		
MediaTitle	The Star Malaysia (www.thestar.com.my)		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	4	Readership	9
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,400

## Collaboration to revive coffee farming in Malaysia

KUALA LUMPUR: Nestle Malaysia, together with the Kedah State Department of Agriculture (KSDA), Kedah Economic Development Authority, Federal Land Development Authority, Malaysian Agricultural Research and Development Institute and Pertubuhan Kami Anak Fel...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Nestle Malaysia introduces NESCAFE Grown Respectfully programme		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	16	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	251 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,606
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,818



(吉隆坡讯) 大马雀巢推动“NESCAFE尊重成长计划”(NESCAFE Grown Respectfully), 旨在振兴大马咖啡种植领域的可持续经营咖啡种植。

# 雀巢 尊重成長計劃 振興本地咖啡種植業



众嘉宾为NESCAFE尊重成长计划主持启动仪式。左一起为KEIDA副总经理苏克里、KSDA总监南利、胡安阿拉诺；右一起为大马雀巢饮料业务部业务执行员奥特曼、KAF总裁法古拉兹、MARDI工业作物研究中心副总监哈尼姆博士、FELDA教育总监诺兹拉。

上述计划获得联邦土地发展局(FELDA)、吉打州农业部(KSDA)、吉打州经济发展局(KEDA)、Pertubuhan Kami Anak FELDA(KAF)和大马农业与发展研究所(MARDI)的支持。

试点阶段将从吉打州开始, 该州拥有适合咖啡种植的最佳气候条件。雀巢将与KSDA共同开发及培植约5万棵Robusta咖啡树苗, 并将于2020年分发给当地约200名农民种植在100英亩的土地。

该计划将在咖啡种植每个阶段为农民提供

支持以发展上游咖啡链, 再通过培训和知识共享支持来帮助农民改善生计, 并以利用土地种植替代作物, 以及传授最佳农业技术以提高产量和生产力。

大马雀巢有限公司首席执行官胡安阿拉诺斯有信心能借助雀巢身为全球食品生产商的经验与规模, 并结合上述本地专家单位, 以成功复兴咖啡种植业, 同时改善大马农民的生计和福祉。

(SSW/JM)

Headline	Nestle joins forces to boost coffee farming		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	02 Oct 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	12,000
Page No	11	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	129 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 910
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,730



## Nestle joins forces to boost coffee farming

NESTLE (M) Bhd, together with the Kedah State Department of Agriculture (KSDA), Kedah Economic Development Authority, Federal Land Development Authority, Malaysian Agricultural Research and Development Institute and Pertubuhan Kami Anak Felda have joined forces to revive the coffee farming sector.

Its CEO Juan Aranols said the "Grown Respectfully" programme is part of the company's initiative to provide business for coffee planters, especially those in the northern region.

"We aim to train and educate 200 farmers under the pilot phase, and together with the KSDA, we will be producing 50,000 robusta seedlings to be planted by mid-2020," he told a press conference after the launch of the programme in Kuala Lumpur yesterday.

He added that Nestle currently has two factories producing its coffee product, Nescafe in Malaysia, and the multinational food and beverage conglomerate is looking forward to use the locally grown coffee for its production.

"We currently import 17,000 tonnes of coffee from coffee producing nations and we are looking forward to integrate the coffee produced here into our value chain," he said.

Aranols did not discount the possibility of expanding the programme to other states, adding that the company had formed a committee to ensure the success of the current programme.

"We need to ensure that we have the right type of coffee to suit the climate as well as the soil.

"Under this project, Nestle will provide planting materials and agronomical support through training sessions and field demonstrations," he added. — *Bernama*

Headline	Tanam kopi Nestle		
MediaTitle	MyMetro (www.hmetro.com.my)		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	5	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,600
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,800

## Tanam kopi Nestle

ARANOLS (dua dari kanan) bersama Pengarah Pendidikan Felda, Nurzila Abdul Ghani (tengah) menghidu serbuk kopi selepas pelancaran Program Nescafe Disemai Dengan Kasih, semalam.  
Oleh Nabil BasaruddinKUALA LUMPUR: Nestle (Malaysia) Berhad menyasarkan untuk ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Kedah to begin growing coffee		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A5	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	125 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,682



## NESCAFÉ尊重成長計劃 吉州開始試點種咖啡

(吉隆坡1日讯) 大马雀巢推动“NESCAFÉ尊重成长计划”(NESCAFÉ Grown Respectfully), 旨在振兴大马咖啡种植领域的可持续经营咖啡种植。

上述计划获得联邦土地发展局(FELDA)、吉打州农业部(KSDA)、吉打州经济发展局(KEDA)、Pertubuhan Kami Anak FELDA(KAF)和大马农业研究与发展研究所(MARDI)的支持。

该计划的试点阶段将从吉打州开始, 该州拥有适合咖啡种植的最佳气候条件。雀巢将与KSDA共同开发并生产约5万棵Robusta咖啡树苗, 于2020年分

发给当地约200名农民以种植在100英亩的土地。

该计划将在咖啡种植的每个阶段为农民提供支持以发展上游咖啡链。再通过培训和知识共享支持来帮助农民改善生计, 并以利用土地种植替代作物, 以及传授最佳农业实践, 提高产量和生产

力。大马雀巢有限公司首席执行官胡安阿拉诺斯有信心能套用雀巢身为全球食品生产商的经验和规模, 并结合上述本地专家单位, 以成功复兴咖啡种植业, 同时改善大马农民的生计和福祉。

(JM)

Headline	Market intelligence		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A5	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	98 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,485
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,455



Headline	Nestle in collaboration to boost coffee farming		
MediaTitle	The Star		
Date	02 Oct 2019	Color	Black/white
Section	StarBiz	Circulation	175,986
Page No	2	Readership	527,958
Language	English	ArticleSize	122 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,917
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,751



## Nestle in collaboration to boost coffee farming

**KUALA LUMPUR:** Nestle Malaysia, together with the Kedah State Department of Agriculture (KSDA), Kedah Economic Development Authority, Federal Land Development Authority, Malaysian Agricultural Research and Development Institute and Pertubuhan Kami Anak Felda have joined forces to revive the coffee farming sector.

Nestle (M) Bhd chief executive officer Juan Aranols said the Grown Respectfully programme is part of the company's initiative to provide business for coffee planters, especial-

ly those in the northern region.

"We aim to train and educate 200 farmers under the pilot phase, and together with the KSDA, we will be producing 50,000 Robusta seedlings to be planted by mid-2020," he told a press conference after the launch of the programme here yesterday.

He added that Nestle has two factories producing its coffee product, Nescafe, in Malaysia, and the multinational food and beverage conglomerate is looking forward to use the locally grown coffee for its production.

"We import 17,000 tonnes of coffee from

coffee producing nations and we are looking forward to integrate the coffee produced here into our value chain," he said.

Aranols did not discount the possibility of expanding the programme to other states, adding that the company had formed a committee to ensure the success of the programme.

"We need to ensure that we have the right type of coffee to suit the climate as well as the soil. Under this project, Nestle will provide planting materials and agronomical support through training sessions and field demonstrations," he added. — **Bernama**

Headline	Nestle partners local authorities to promote coffee farming		
MediaTitle	The Sun		
Date	02 Oct 2019	Color	Black/white
Section	Business	Circulation	297,582
Page No	12	Readership	892,746
Language	English	ArticleSize	131 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,136
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,408



## Nestle partners local authorities to promote coffee farming

**KUALA LUMPUR:** Nestle Malaysia, together with the Kedah State Department of Agriculture (KSDA), Kedah Economic Development Authority, Federal Land Development Authority, Malaysian Agricultural Research and Development Institute and Pertubuhan Kami Anak Felda have joined forces to revive the coffee farming sector.

Nestle (Malaysia) Bhd CEO Juan Aranols said the Grown Respectfully programme is part of the company's initiative to provide business for coffee planters, especially those in the northern region.

"We aim to train and educate 200 farmers under the pilot phase, and together with the KSDA, we will be producing 50,000 Robusta seedlings to be planted by mid-2020," he told a press conference after the launch of the programme yesterday.

He added that Nestle currently has two factories producing its coffee product, Nescafe, in Malaysia, and the multinational food and beverage conglomerate is looking forward to use the locally grown coffee for its production.

"We currently import 17,000 tonnes of coffee from coffee producing nations and we are looking forward to integrate the coffee produced here into our value chain," he said.

Aranols did not discount the possibility of expanding the programme to other states, adding that the company had formed a committee to ensure the success of the current programme.

"We need to ensure that we have the right type of coffee to suit the climate as well as the soil.

"Under this project, Nestle will provide planting materials and agronomical support through training sessions and field demonstrations," he added. - Bernama

Headline	NESTLE HELPS REVIVE COFFEE FARMING		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Business Times	Circulation	36,278
Page No	17,21	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	398 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,719
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,158



## NESTLE TARGETS TO HARVEST LOCAL COFFEE IN 2021 » PAGE 21

NESCAFE GROWN RESPECTFULLY PROGRAMME

# NESTLE HELPS REVIVE COFFEE FARMING

Global food producer, in collaboration with local authorities, aims to get first harvest in 2021

KUALA LUMPUR

**N**ESTLE Malaysia Bhd is targeting to have its first local coffee harvest by 2021 through its Nescafe Grown Respectfully Programme.

Its chief executive officer Juan Aranos said via cooperation with the Kedah Economic Development Authority (KEDA), the food and beverage manufacturer would produce 50,000 robusta coffee seedlings to be distributed to 200 local farmers and



Nestle Malaysia Bhd chief executive officer Juan Aranos at the Nescafe Grown Respectfully Programme yesterday. PIC BY NGYRAF HANZAH

planted on 40,46ha by next year. "The pilot phase of the Nescafe Grown Respectfully Programme will commence in Kedah, which has optimum climate conditions

for coffee cultivation.

"By leveraging our experience and scale as a global food producer with local expertise, we can get the first coffee harvest in

2021," he said at the launch of Grown Respectfully Programme, here, yesterday.

According to Nestle, its 1.2ha nursery built in the 1990s in Sik, Kedah, is being rehabilitated to provide adequate planting materials for coffee seedling production.

Nescafe Grown Respectfully Programme, a sustainable coffee farming initiative, has gained support from Felda, Kedah State Department of Agriculture (KSDA), KEDA, Pertubuhan KAMI Anak Felda (KAF) and Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) to help revive the local coffee farming sector.

Juan said the multi-stakeholder collaboration through the programme aimed to contribute to strengthening Malaysia's food security and providing opportunities for trade diversification.

"We are confident that by leveraging our experience and scale as a global food producer with local

expertise, combined with the strengths of Felda, KSDA, KEDA, KAF and MARDI, we can revive the coffee farming sector while improving the livelihood and well-being of Malaysian farmers.

"Local farmers are an important part of Nestle's value chain. For 30 years, we have been engaging local farmers in Kedah and Kelantan through our Nestle Paddy Club and Chili Club programmes to maximise yields without compromising quality," said Juan.

Nestle beverages business unit executive officer Othman Chraïbi said through the Grown Respectfully Programme, Nescafe would leverage its extensive coffee expertise to provide technical advice on end-to-end process of coffee growing, from seedlings to harvesting.

"We will train farmers in good agricultural practices to increase crop yield, improve the quality of green beans and at the same time, reduce operational cost," he added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	BERITA HARIAN	BISNES	27



Aranols (tiga dari kiri) bersama (dari kiri) Timbalan Pengurus Besar KEDA, Sukhri Jusoh; Pengarah KSDA, Ramli Abdul Rahman; Pengarah Pendidikan FELDA, Nurzila Abdul Ghani; Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Tanaman Perindustrian MARDI, Dr Hanim Ahmad; Presiden KAF, Fakhurrazi Mohd Habib dan Pegawai Eksekutif Perniagaan Unit Perniagaan Minuman, Nestlé Malaysia, Othman Chraibi melancarkan Program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih sempena Hari Kopi Sedunia di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

# Nestle pulih sektor tanaman kopi negara

Program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih babit kerjasama lima agensi tempatan

Oleh Che Wan Badrul Alias  
chewan@bh.com.my

Nestle, gergasi pengeluar produk makanan dan minuman terbesar dunia, akan terbabit secara langsung dalam pemuliharaan penanaman kopi Malaysia menerusi inisiatif perladangan mapan di zon potensi tanaman kopi negara seperti Kedah dan Perlis.

Inisiatif diterajui Nestlé (Malaysia) Bhd itu membabitkan kerjasama dengan FELDA, Jabatan Pertanian Kedah (KSDA), Lembaga Kemajuan Ekonomi Kedah (KEDA), Pertubuhan KAMI Anak Felda (KAF) dan Institut Penyelidikan dan Kemaju-

an Pertanian (MARDI).

Menerusi inisiatif dikenali sebagai Program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih itu, Nestlé bersama KSDA akan menghasilkan kira-kira 50,000 benih kopi Robusta untuk diedarkan kepada 200 peladang bagi tujuan tanaman kopi di kawasan seluas 40.5 hektar menjelang 2020.

Manakala, FELDA akan menguruskan operasi peringkat ladang dengan penanaman benih baharu, penyelenggaraan, menguruskan peladang kopi FELDA yang berminat, menghantar hasil biji kopi ke pusat pengumpulan dilantik Nestlé, memperuntukkan tanah terbiar dalam zon tanaman

kopi kepada KAF dan menyella KAF.

KEDA pula akan memajak kawasan seluas dua hektar di Sik, Kedah sebagai tapak semaian tanaman induk Nestlé, selain bertanggungjawab mengumpul kopi tempatan dan menjadi pemproses utama.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia, Juan Aranols, berkata selain membekalkan benih kopi, Nestlé akan menyediakan khidmat nasihat teknikal, kepakaran, peralatan dan latihan kepada peladang untuk mencapai amalan perladangan terbaik, menyelenggara tanaman, dan operasi selepas penuaian. *Lihat muka 28*



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	BERITA HARIAN	BISNES	28

## Komoditi untuk dua kilang

*Dari muka 27*

Katanya, inisiatif itu masih pada peringkat awal dan memerlukan jangka masa panjang untuk mencapai skala tertentu sebelum dapat memberikan sumbangan kepada rantai pembekalan kopi di bawah pengeluaran gergasi dunia itu.

“Ini adalah usaha kami untuk masa depan yang lebih baik. Kami komited menjayakannya. Kumpulan kini memerlukan banyak kopi untuk dua kilang di Malaysia dan sebahagian besarnya diimport dari luar negara.

“Sudah tentu kami memerlukan hasil pengeluaran tanaman kopi di negara ini untuk rantai pembekalan, namun ia akan mengambil masa (untuk pengeluaran mencapai kapasitinya)... mungkin menjelang akhir tahun depan atau 2021,” katanya selepas melancarkan Program NESCAFÉ Disemai Dengan Kasih sempena Hari Kopi Sedunia di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Pegawai Eksekutif Perniagaan, Unit Perniagaan Minuman, Nestle Malaysia, Othman Chraibi; Pengarah Pendidikan FELDA, Nurzila Abdul Ghani; Timbalan + Pengurus Besar KEDA, Sukhri Jusoh dan Pengarah KSDA, Ramli Abdul Rahman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	KOSMO	NIAGA	38

## Penanam ladang cili disaran guna perkhidmatan DuitNow

**KUALA LANGAT** - Pengusaha ladang cili di seluruh negara disaran memanfaatkan perkhidmatan DuitNow bagi memudahkkan urusan jual beli tanaman mereka.

Penggunaan perbankkan DuitNow ini bakal menyaksikan penanam cili di Kuala Langat tidak perlu menunggu sehingga tiga hari sebelum menerima pembayaran bagi hasil tuisan yang dijual.

Sebaliknya kini, melalui perkhidmatan tersebut, keuntungan mereka diwujudkan terus ke dalam akaun bank masing-masing.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Surina Shukri berkata, langkah itu akan membolehkan pengusaha cili mendapat bayaran dengan segera tanpa menunggu dalam tempoh yang lama.

"Melalui perkhidmatan ini, pengusaha boleh mendapat bayaran terus atau segera melalui akaun bank dengan hanya menggunakan kad pengenalan.

"Langkah ini mampu mengurangkan kos

pelancaran Program Menyernakikan Penggunaan Teknologi Digital dalam Industri Pertanian - Transaksi Pertanian Tanpa Tuisi di Maksimal eLadang 1 Teluk Mengadang dan Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Teluk Panglima Garang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Azilifa Salim.

Tambah Surina, MDEC akan memastikan mereka yang terlibat dalam sektor pertanian tidak akan ketinggalan dalam era digital negara.

Sementara itu, Azilifa menjelaskan, pihaknya menyasarkan 50,000 peladang cili di seluruh negara akan mendaftar dalam perkhidmatan DuitNow menjelang akhir-tahun ini.

"Sehingga kini, kira-kira 420 pengusaha cili dari Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPKKL) dalam proses mendaftar untuk menggunakan DuitNow dengan kerjasama CIMB Bank," katanya.



**SURINA** (empat dari kiri) bersama Azilifa (tiga dari kiri) selepas majlis pelancaran Program Menyernakikan Penggunaan Teknologi Digital dalam Industri Pertanian - Transaksi Pertanian Tanpa Tuisi di Teluk Panglima Garang baru-baru ini.

operasi yang mana pihak pusat, pengumpulan tidak perlu mengambil masa yang lama untuk memproses bayaran termasuk memperluaskan cek kepada pengusaha cili, katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis

Headline	Simulasi sidang media cangkil potensi peserta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	26	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	458 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Nasaruddin Parzi	AdValue	RM 15,224
Frequency	Daily	PR Value	RM 45,672



Peserta melakukan simulasi sidang media pada program Klinik Media 2019 di Balai Berita, Bangsar, semalam.

(Foto Halimatun Saadiah Sulhman/BH)

# Simulasi sidang media cangkil potensi peserta

**Klinik Media usaha MPB kongsi pengalaman, kepakaran berkaitan operasi penerbitan berita**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Zaharah Anum Mohamed Tuah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Simulasi sidang media antara pengisian baharu kepada peserta program Klinik Media 2019 anjuran Media Prima Berhad (MPB), semalam.

Sesi berlangsung hampir dua jam itu memberi peluang kepada peserta yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk mengurus perjalanan sidang media, dengan peserta turut diberi peluang melakukan watak se-

orang menteri.

Selain sesi itu, peserta juga diberi taklimat berkenaan operasi bilik berita, penulisan dan penerbitan kenyataan media, pengurusan krisis serta pengenalan produk media, termasuk segmen digital.

Pengarah Eksekutif Operasi Berita dan Editorial Media Prima, Mustapha Kamil Mohd Janor, berkata sejak program ini dimulakan Ogos lalu, sambutan diterima begitu menggalakkan.

Beliau berkata, klinik ini diadakan sebahagian usaha MPB berkongsi pengalaman dan kepakaran berkaitan operasi penerbitan dan pemilihan kandungan berita.

"Menerusi penganjuran program seperti ini kami dapat menjalankan peranan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai penyebaran am.

"Dalam memastikan penyebaran maklumat kepada rakyat, kita semua bergantung antara satu sama lain dalam menyampaikan

maklumat bukan saja tepat tetapi cepat," katanya ketika berucap pada majlis penutup Klinik Media 2019, di sini, semalam.

Beliau berkata, dalam perkembangan dunia digital, MPB menyediakan platform bersestualan yang boleh digunakan pelbagai pihak, terutama agensi kerajaan untuk menyebarkan maklumat kepada rakyat.

"Saya harap kita dapat menjalinkan kerjasama dalam menjalankan tugas, selain dapat menyampaikan maklumat yang diperlukan oleh rakyat dan masyarakat," katanya.

Antara tenaga pengajar ialah Pengerang Eksekutif Komersial dan Hal Ehwal Semasa BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Ketua Editor Unit Berita TV3, Kamaruddin Mape serta Pengarang Berita Wilayah, Jabatan Berita & Ehwal Semasa, Rangkaian TV Media Prima, Azwaliza Azman.

Program yang dihadiri 65 peserta membabitkan 10 kementerian itu dihoskan personaliti TV,

Fiza Sabjahan.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Strategik, Unit Komunikasi Korporat Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Mohd Haikal Abd Jalil, berkata penganjuran kelas itu memberi peluang untuk berkongsi banyak ilmu berkaitan pengurusan media.

"Media Prima ialah agensi sebarannya, sementara kami pula pegawai media daripada agensi kerajaan. Melalui klinik seperti ini, kami dapat bertukar pandangan, dan banyak ilmu baru berkaitan media dapat dipelajari," katanya.

Sefiasusaha Akhbar kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Alyaa Azhar pula berkata, program itu baik untuk meningkatkan kefahaman peserta mengenai industri dan cara kerja media.

"Bengkel seperti ini dapat mengingatkan saya untuk lebih peka akan perkara yang dianggap remeh dan mungkin menyebabkan terlepas pandang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/10/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	17



Sarina (empat dari kiri) bersama Azulita (tiga dari kiri) pada pelancaran Program Menyemarakkan Penggunaan Teknologi Digital dalam Industri Pertanian - Transaksi Perniagaan Tanpa Tunai di Mekomal eLadang 1 Teluk Mengkuang dan PPHL Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, kelmarin. (Foto BERNAMA)

# Penanam cili manfaat DuitNow

**Petani Kuala Langat jadi perintis sistem bebas tunai, percepat bayaran**

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Banting:** Perbankan DuitNow kini boleh dimanfaatkan penanam cili di Kuala Langat bagi mengurangkan masa pembayaran wang untuk hasil tuai mereka yang dijital kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat (PPKKL).

Semata 420 penanam cili berkenaan menjadi sebahagian daripada program rintis untuk penggunaan kemudahan perbankan digital hasil kerjasama antara Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), PPKKL, CIMB Bank Berhad dan PayNet.

Penggunaan perbankan DuitNow bakal menyaksikan penanam cili di Kuala Langat tidak lagi perlu menunggu hingga tiga hari sebelum menerima bayaran untuk hasil tuai mereka yang dijital, sebaliknya keuntungan mereka dipindahkan terus ke akaun bank masing-masing.

Ini sudah tentu menjadi satu penambahbaikan berbanding cara pembayaran sebelum ini, bermula dengan penggunaan cek tunai dikembalikan pusat pengumpulan tanaman di Teluk Panglima Garang kepada pemindah wang secara elektronik yang hanya dibuat dua kali seminggu.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shuhri, berkata inisiatif itu ada-

lah satu penambahan kepada program pertanian digital sedia ada yang menyasarkan penggunaan penyelesaian pertanian digital bagi menambah baik kecekapan dan meningkatkan pulangan yang diterima.

Beliau berkata, dengan DuitNow, penanam cili di kawasan berkenaan menjadi perintis kepada sistem bebas tunai dan tidak lagi perlu menunggu selama tiga hari untuk menerima bayaran masing-masing.

"Apa yang dipertukan ialah pendaftaran MyKad dan pembayaran oleh PPKKL dilaksanakan serentak.

"Kerjasama MDEC dengan rakan kongsi kami membolehkan petani di Kuala Langat menikmati kemudahan perkhidmatan digital, satu contoh terbaik bagaimana kami menyokong ekonomi digital yang inklusif.

"Inisiatif ini akan membolehkan PPKKL menjalankan urusan dengan ahli peladangnya secara mudah dan cepat melalui perbankan DuitNow, selain berupaya mengurangkan kos operasi serta menurunkan risiko penolakan pembayaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Program Menyemarakkan Penggunaan Teknologi Digital dalam Industri Pertanian - Transaksi Perniagaan Tanpa Tunai di Mekomal eLadang 1 Teluk Mengkuang dan Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Teluk Panglima Garang, di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Azulita Salim; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PayNet, Peter Schlessel; Timbalan Pengarah LPP Selangor

Ahmad Fuad Zakaria, dan Pengerusi Jemaah Pengarah PPK Kuala Langat, Ab Razak Kasbollah.

Ketika ini, PPKKL sedang mendaftarkan seramai 420 ahlinya dengan perbankan DuitNow.

Surina berkata, pelancaran kelmarin adalah langkah pertama, malah masih ada pelbagai kesesuaian dan fungsi pembayaran tanpa tunai yang berpotensi serta boleh diterokai petani dan peladang.

"Penggunaan DuitNow ini akan memudahkan transaksi kewangan antara pihak peladang dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di kawasan mereka," katanya.

Justeru, beliau berharap pekebun cili di PPKKL mengambil peluang menggunakan kaedah pembayaran DuitNow bagi mempercepat rekod kewangan mereka lebih sistematik.

Sementara itu, Azulita berkata, kaedah pembayaran tanpa tunai memercuikan perbankan DuitNow adalah mudah untuk dipraktikkan.

"Sebelum ini, mereka terpaksa menunggu hingga tiga hari untuk mendapatkan bayaran hasil tanaman, tetapi melalui kaedah ini, mereka akan menerimanya dengan segera.

"Caranya, mereka menghantar hasil pertanian ke sini, kemudian mereka terus menerima bayaran ke akaun mereka melalui DuitNow.

"Jadi, mereka tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan pelanggan daripada susah payah mereka menanam, dan kaedah ini menarik minat golongan muda kerana mereka memertukan pulangan lebih cepat, mungkin untuk pusingan modal dan sebagainya," katanya.



## Malaysia International Water Convention 2019

**1-3 OKTOBER 2019**  
MITEC | KUALA LUMPUR

**Kemajuan Inovasi, Penerimaan Transformasi, Menjamin Masa Hadapan**

Acara Pembukaan dan Perasmian oleh YB Dr Xavier Jayakumar  
Menteri di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli

Temui peserta pameran teknologi air yang inovatif, peluang menjalinkan jaringan kerjasama pakar Industri air Kebangsaan dan kumpulan pekerja sektor air. Sertai kami, di Konvensyen Air Antarabangsa Malaysia 2019 (MIWC). Bersama kita menjamin masa depan industri air.

**Waktu Melawat:**  
1 - 3 Oktober 2019: 10 pagi hingga 5 petang (seliap hari)

20+ Negara & Teknologi Air

Lebih 6000 Peserta & Peminat

100+ Acara & Pameran

5000+ Peserta

200+ Pameran & Teknologi Air

Lebih 6000 Peserta & Peminat

100+ Acara & Pameran

5000+ Peserta

200+ Pameran & Teknologi Air

Lebih 6000 Peserta & Peminat

100+ Acara & Pameran

5000+ Peserta

+803 6140 6688    water@protempgroup.com    www.mlwc.tech

Di anjurkan oleh




Di uruskan oleh




Di sokong oleh




Pendafatran Pelawat



Penaja Platinum:    

Penaja Bronze:  

Penaja:  

Penaja E-Penaja:  

©PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn Bhd. All rights reserved. (No. 492079-W)